

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6808**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah kawalan dan tindakan susulan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memelihara keamanan dan ketenteraman negara hasil daripada terdapatnya anggota-anggota kumpulan militan yang diberkas oleh pihak polis di Negeri Kedah dan Selangor baru-baru ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera daripada ancaman keganasan, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau dan mengadakan kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa pihak PDRM akan menjalankan siasatan terhadap mana-mana kumpulan militan mahupun kumpulan-kumpulan lain yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Bahkan, Kerajaan memberi jaminan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- langkah Khas) 2012 sudah mempunyai peruntukan mencukupi dalam membendung aktiviti pengganas.**

**Dalam usaha untuk menangani kebangkitan kumpulan militan, beberapa usaha telah dilakukan dengan menyiasat aktiviti-aktiviti kumpulan yang mencurigakan dan memantau individu-individu yang pernah terlibat dalam kumpulan militan yang sedia ada. Usaha seterusnya adalah dengan mengadakan beberapa siri program pemulihan kepada orang-orang tahanan dan ahli keluarga mereka.**

**Tidak dinafikan bahawa baru-baru ini pihak PDRM ada membuat beberapa tangkapan terhadap beberapa individu yang disyaki terlibat dengan aktiviti keganasan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci maklumat ini agar tidak menjejaskan**

**siabatan dan risikan yang dijalankan secara berterusan oleh pihak PDRM dalam usaha menjejaki saki-baki ahli kumpulan militan ini.**